

“Integriti dalam perkhidmatan awam adalah suatu yang sering dihubungkan dengan nilai amanah, jujur, kebolehpercayaan dan juga sentiasa memelihara kepentingan awam tanpa mengambil kesempatan untuk kepentingan diri sendiri.”

*Tun Ahmad Sarji bin Abdul Hamid*



## 1. PEKELILING PERBENDAHARAAN MALAYSIA PK 2.21 KAEDAH PELAKSANAAN PEROLEHAN/PROJEK KERAJAAN TAHUN 2022 DAN 2023




- Pekeliling ini telah dikeluarkan untuk menerangkan mengenai kaedah pelaksanaan perolehan/projek Kerajaan tahun 2022 dan 2023 yang meliputi perancangan dan pelaksanaan perolehan tahunan 2022 dan 2023, kebenaran mempakejkan perolehan tahunan bekalan, perkhidmatan kerja, kaedah perolehan kerja dan lain-lain lagi.

- Pekeliling ini berkuat kuasa mulai 1 Julai 2022 sehingga 30 Jun 2023 sahaja.

Maklumat lanjut mengenai perkara ini boleh diperolehi dengan merujuk :

PK 2.21 di <https://ppp.treasury.gov.my>

## 2. PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 3 TAHUN 2017 : KEMUDAHAN CUTI UMRAH



- Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk melaksanakan keputusan Kerajaan bagi kemudahan cuti umrah yang merupakan cuti tanpa rekod untuk pegawai perkhidmatan awam persekutuan yang beragama Islam

menunaikan ibadah umrah sekali sepanjang tempoh perkhidmatan.

Maklumat lanjut mengenai perkara ini boleh diperolehi dengan merujuk :

*Surat JPA.SARAAN 223/5/4-3 Jld. 3 (15) bertarikh 11 Disember 2017*

## 3. TONGGAK DUA BELAS

- Berdasarkan kepada ucapan perasmian Seminar Nilai dan Etika pada 2 Mac 1992 di Hotel Pan Pacific, Kuala Lumpur oleh YBhg. Tan Sri Dato' Seri Ahmad Sarji bin Abdul Hamid, Ketua Setiausaha Negara.
- Sebagai naskah pengiring kepada Nilai dan Etika Dalam Perkhidmatan Awam yang telah diterbitkan oleh Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN).
- Ia mengandungi panduan-panduan serta contoh-contoh nilai etika yang baik yang perlu diamalkan oleh setiap penjawat awam bagi mewujudkan sebuah perkhidmatan awam yang cekap dan berkualiti.

*Sumber : Tonggak Dua Belas terbitan Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) Malaysia 1992.*

## 4. NILAI-NILAI MURNI TONGGAK DUA BELAS

1. Menghargai masa;
2. Ketekunan membawa kejayaan;
3. Keronokan bekerja;
4. Kemuliaan kesederhanaan;
5. Ketinggian peribadi;
6. Kekuatan sifat baik hati;
7. Pengaruh teladan;
8. Kewajipan menjalankan tugas;
9. Kebijaksanaan berhemat;
10. Keutamaan kesabaran;
11. Peningkatan bakat; dan
12. Nikmat mencipta.

*Tun Ahmad Sarji bin Abdul Hamid  
Mantan Ketua Setiausaha Negara*

## 5. PERATURAN 19, PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI AWAM (KELAKUAN DAN TATATERTIB) 1993 : LARANGAN MEMBUAT PERNYATAAN AWAM

Hindari :

- Membuat apa-apa pernyataan awam yang boleh memudaratkan apa-apa dasar, rancangan atau keputusan Kerajaan tentang apa-apa isu;
- Membuat apa-apa pernyataan awam yang boleh memalukan dan memburukkan nama Kerajaan;
- Membuat apa-apa ulasan tentang kelemahan apa-apa dasar, rancangan atau keputusan Kerajaan; atau
- Mengedarkan apa-apa pernyataan atau ulasan, sama ada yang dibuat olehnya atau mana-mana orang lain.